

27/03/1999

Pas minta SPR pastikan tiada 'pengundi hantu'

ALOR STAR, Jumaat - Pas yang mendakwa Barisan Nasional (BN) membawa 'pengundi hantu' ke Kelantan bagi memastikan kemenangan pada pilihan raya umum akan datang bercadang membuat bantahan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Presidennya, Datuk Fadzil Noor berkata, setakat ini, pihaknya menerima laporan bahawa kegiatan itu berlaku di Kelantan tetapi Pas akan memastikan sama ada ia wujud di negeri lain.

Beliau berkata, bantahan dalam bentuk memorandum yang akan dikemukakan pada akhir April ini antara lain meminta SPR menyiasat bagi mengetepikan pengundi hantu terbabit.

"Kita akan mengemukakan bantahan kepada SPR. Mungkin sekitar hujung bulan depan kita adakan temu janji dengan SPR untuk mengemukakan memorandum dan kita harap SPR akan buat penyelidikan supaya pengundi hantu diketepikan.

"Ia dikesan di Kelantan dan kita akan selidiki di seluruh negara. Setakat ini kita tak ada jumlah (pengundi hantu) secara tepat," katanya di Perhimpunan Perpaduan Rakyat Kedah anjuran Dewan Pemuda Pas Kedah, di Kampung Mergong, di sini malam tadi.

Fadzil mendakwa, perhimpunan yang diadakan dalam hujan lebat itu dihadiri kira-kira 100,000 orang.

Turut memberikan ceramah ialah isteri bekas Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Naib Presiden Penaja Angkatan Keadilan Sosial (Adil), Dr Chandra Mudzaffar; Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Ketua Dewan Pemuda Pas Kedah, Mahfuz Omar.

Fadzil juga mendakwa ahli Pas kini meningkat kepada kira-kira 700,000, terutama dengan kemasukan kira-kira 82,000 ahli baru sejak pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada 2 September lalu.

Ketika diminta mengulas mengenai ceramahnya yang menyebut pada 1984 Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyarankan supaya wanita berhenti kerja apabila pendapatan suami mereka mencukupi, Fadzil berkata:

"Berita kenyataan MB Kelantan mengenai wanita bekerja disiarkan tidak tepat. Apabila kita selidiki, Perdana Menteri pernah membuat saranan supaya wanita yang bekerja dan mempunyai anak ramai dan suaminya mempunyai pendapatan mencukupi, berhenti (kerja) supaya dapat menumpukan masa mendidik anak-anak.

"Ketika itu, Perdana Menteri pernah menyebut rancangan untuk menjadikan Malaysia mempunyai penduduk seramai 70 juta.

"Apabila ada kecaman, selain kita nafikan, kita juga perlu mencari bukti untuk menyokong kenyataan kita dan Allah temukan kita dengan akhbar 28 Julai 1984 yang menyiarkan kenyataan Perdana Menteri itu," katanya.

(END)